

UM Isu Dr Mahathir dipanggil jadi saksi didengar Isnin

6 APR 2000

KUALA LUMPUR 5 April — Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 10 April ini untuk mendengar hujah balas pihak pendakwa bagi menentukan sama ada relevan memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela dalam perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, perbicaraan penuh kes itu disambung pada Jumaat ini setelah peguam bela Anwar, Christopher Fernando memaklumkan pihaknya ingin memanggil dua orang saksi sementara menunggu pembentangan hujah tersebut.

Hakim Datuk Ariffin Jaka yang mengendalikan kes itu sepatutnya mendengar permohonan Menteri Kewangan, Tun

Daim Zainuddin yang ingin mengetepikan sapina terhadapnya yang dipanggil sebagai saksi pembela.

Daim yang diwakili peguam Ng Aik Guan menamakan Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja sebagai responden.

Ketika sidang bermula pukul 10.20 pagi, Ng memberitahu bahawa permohonan anak guamnya ditetapkan hari ini.

Namun, katanya, beliau difahamkan peguam bela Anwar, Karpal Singh ingin memaklumkan sesuatu kepada mahkamah.

Karpal lalu bangun meminta supaya permohonan Daim itu ditangguhkan.

Beliau memberi alasan bahawa mahka-

mah harus mendengar isu sama ada relevan untuk memanggil Dr. Mahathir sebagai saksi.

Karpal memberitahu bahawa pihaknya telah menerima afidavit jawapan Dr. Mahathir dan pada pagi ini Anwar memfailkan afidavit tambahan untuk menjawabnya.

Afidavit tersebut, kata beliau, baru sahaja diserahkan kepada Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail yang mengetuai pasukan pendakwaan.

Hakim Ariffin bagaimanapun menegaskan bahawa Dr. Mahathir tidak perlu menjawabnya kerana mahkamah akan memutuskan berdasarkan fakta-fakta

yang dikemukakan dalam afidavit jawabannya.

Beliau juga menetapkan permohonan Daim disebutkan pada Isnin ini dan Ng tidak membantah.

Anwar, 52, dan Sukma, 39, kini pada peringkat pembelaan atas tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, yang pernah menjadi pemandu peribadi isteri Anwar, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Sukma juga menghadapi tuduhan bersuhabat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri itu meliwat Azizan.

Kejadian itu didakwa dilakukan pada satu malam, di antara bulan Januari hingga Mac 1993, pukul 7.45, di apartmen Sukma, No. 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini.